



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



Tel: +603-2083 4000
Faks: +603-2083 4100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Ruj Kami : SKM.IP.(UU):167/1E (3)
Tarikh : 20 Oktober 2023

Pengerusi
Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad
31, Tingkat Bawah Wisma Guru Terengganu,
Jalan Hiliran,
21000 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 50(1)(d) AKTA KOPERASI 1993

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mengambil maklum berkaitan permohonan **Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad** (Koperasi) di bawah **subseksyen 50(1)(d) Akta Koperasi 1993** untuk mendapatkan kelulusan prospektus bagi memperdapatkan wang melalui simpanan khas daripada anggotanya berjumlah **RM10,000,000.00** (Ringgit Malaysia: Sepuluh Juta Sahaja) bagi tujuan membiayai projek pelaburan (Modal Ar Rahn KOGURU).

3. Untuk makluman tuan, Suruhanjaya **tiada halangan dan bersetuju meluluskan** permohonan Koperasi seperti di para 2 **tertakluk kepada syarat-syarat** seperti berikut:

- (i) memastikan simpanan khas anggota mendapat kelulusan dan persetujuan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi;
- (ii) memastikan simpanan khas anggota bagi tujuan menjalankan projek pelaburan (Modal Ar-Rahn KOGURU) mendapat kelulusan Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi;
- (iii) memastikan penerimaan sumber wang simpanan khas yang diperdapatkan ini tidak bercanggah dengan undang-undang bertulis lain di antaranya seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001;

- (iv) menyediakan suatu akaun berasingan untuk menyenggara akaun simpanan khas ini di mana pulangan kepada pelabur adalah berbeza;
- (v) produk simpanan khas ini hanya boleh ditawarkan kepada anggota koperasi sahaja;
- (vi) memastikan Aturan Simpanan Khas dan Prospektus Simpanan Khas Pelaburan (Modal Ar Rahnu KOGURU) dipatuhi:
 - (a) saiz dana adalah tidak melebihi **RM10,000,000.00**;
 - (b) pulangan ke atas pelabur mengikut pengiraan yang telah ditetapkan oleh Lembaga;
 - (c) hak-hak pelabur adalah terjamin;
 - (d) pelantikan Jawatankuasa berkaitan bagi tujuan pemantauan ke atas pengurusan dana oleh Koperasi; dan
 - (e) pembayaran pulangan kepada pelabur daripada hasil keuntungan projek pelaburan (Modal Ar-Rahnu KOGURU) .

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI AZLIN BINTI AHMAD DAUTA)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

s.k. Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Terengganu